

10 JAN 2000

Najib-Pandangan

NAJIB SEDIA TERIMA PANDANGAN DENGAN HATI TERBUKA

PEKAN, 10 Jan (Bernama) -- Naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, yang menang tipis kerusi parlimen Pekan pada pilihanraya lalu, sedia menerima pandangan memperkukuhkan Umno di kawasan itu dengan hati terbuka.

"Pilihanraya itu adalah pengajaran supaya menguatkan lagi usaha," kata beliau di majlis Hari Raya anjuran Persatuan Anak-Anak Kampung Langgar di sini hari ini.

"Saya tidak kecewa kerana hanya menang tipis. Malah, saya berazam berusaha lebih gigih supaya Pekan menjadi kubu terkuat Umno."

Dalam pilihanraya 29 Nov lalu, Najib menang hanya dengan majoriti 241 undi berbanding dengan majoriti 10,793 undi pada pilihanraya 1995.

Beliau berharap jasa kerajaan dan Umno yang telah lalu tidak dipandang ringan oleh rakyat.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, berkata dalam setiap detik lembaran sejarah, jasa Umno samada semasa menentang penjajah atau penganas komunis dan sebagainya tidak boleh dilupakan.

Melalui Dasar Ekonomi Baru, katanya, kerajaan telah membawa banyak perubahan yang membolehkan orang Melayu mencapai taraf yang sama tinggi dengan bangsa lain.

Semasa di Mersing kemudian, Najib berkata keputusan terletak ditangan Umno bahagian samada mahu menamakan calon mereka sendiri untuk jawatan timbalan presiden Umno.

Beliau berkata presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjawab bahawa keputusan Majlis Tertinggi atas perkara itu adalah berbentuk nasihat.

Majlis Tertinggi tidak ada kuasa untuk mengarahkan bahagian mencalonkan seseorang, katanya di majlis sambutan Hari Raya bersama pegawai dan anggota Taktikal 10, Rejimen Askar Melayu DiRaja di Tanjung Siang di sini.

Najib berkata keputusan Majlis Tertinggi adalah merupakan nasihat dan panduan kepada Umno bahagian.

Majlis Tertinggi, dalam mesyuaratnya awal bulan ini, mencadangkan hanya Dr Mahathir Mohamad dicalonkan untuk jawatan presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan timbalan presiden.

Ada pihak telah melahirkan pendapat agar jawatan timbalan presiden dipertandingkan selepas cadangan Majlis Tertinggi itu diumumkan.

-- BERNAMA

MSL THG